

Jumlah kematian selesema burung cecah 103 orang

S.H 05/02/08 M/s 22

Indonesia mencatat kematian tertinggi dalam kes selesema burung.

JAKARTA - Seorang wanita Indonesia berusia 29 tahun mati akibat selesema burung, membawa kepada jumlah kematian akibat wabak itu kini mencecah 103 orang, demikian kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan semalam.

Wanita dari Tangerang barat Jakarta, mati Sabtu lalu selepas dirawat di Hospital Persahabatan selama seminggu, kata jurucakap Kementerian Kesihatan, Lily Sulistyowati dalam satu kenyataan.

"Jiran wanita berkenaan ada membela ayam tetapi punca kepada jangkitan masih tidak jelas," kata Lily.

Wanita berkenaan adalah yang kelapan yang mati akibat jangkitan selesema burung di Indonesia tahun ini.

Menurut Lily, keadaan yang teruk ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti cuaca lembap dan penjagaan kebersihan yang teruk semasa musim hujan.

"Bangkai ayam adalah



Mereka yang berurusan dengan binatang ternakan mempunyai risiko tinggi dijangkiti virus selesema burung.

punca kepada jangkitan selesema burung," kata Lily.

Pihak Kementerian turut menyatakan yang seorang wanita berusia 38 tahun dari barat Jakarta telah diuji positif dijangkiti selesema burung dan beliau kini sedang dirawat di Hospital Persahabatan dan di-

letakkan di dalam ventilator.

Kes tersebut membawa kepada 126 kes keseluruhannya dan 103 daripadanya memabatkan kematian, menjadikan Indonesia sebagai negara yang mencatat kematian tertinggi dalam kes selesema burung.

Berhubung dengan ayam

yang sakit adalah cara yang paling biasa untuk seseorang itu mendapat jangkitan selesema burung, endemik dalam populasi burung di kebanyakan kawasan di Indonesia.

Walaupun selesema burung adalah penyakit haiwan, para pakar risau akan ke-

cenderungan virus H5N1 yang boleh bermutasi dengan mudah dan berpindah melalui manusia ke manusia.

Berjuta-juta manusia boleh mati kerana tidak mempunyai imunisasi yang cukup untuk menghalang jangkitan ini. - REUTERS